


SMJK Chung Ling Pulau Pinang
Peperiksaan Percubaan SPM 2021

Kertas 1 (3767/1)

Tingkatan 5

Masa : 1 Jam 15 minit

- 1 Gambar 1 di bawah berkaitan dengan sumber ekonomi



Gambar 1

Pernyataan manakah yang betul tentang gambar 1 di atas?

- A Mempunyai mobiliti geografi yang rendah.
- B Menggabungkan input input pengeluaran bagi menghasilkan output
- C Menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran
- D Merupakan sumber ekonomi yang diperlukan untuk melicinkan proses pengeluaran.

- 2 Maklumat berikut menunjukkan pilihan teknik pengeluaran Syarikat Syazwani

	Keluaran (unit)	
	Raket badminton	Bola tenis
Intensif Buruh	200	80
Intensif Modal	80	200

Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat Syazwani sekiranya teknik intensif modal digunakan?

- A 80 unit raket badminton
- B 120 unit raket badminton
- C 200 unit bola tenis
- D 280 unit bola tenis

- 3 Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran?

- A Ekonomi boleh mengeluarkan pelbagai jenis barang
- B Sumber ekonomi yang dimiliki adalah tidak terhad
- C Titik kombinasi pengeluaran yang berada di luar Keluk Kemungkinan Pengeluaran menunjukkan masalah ketidakupayaan ekonomi
- D Titik kombinasi pengeluaran yang berada di dalam Keluk Kemungkinan Pengeluaran menunjukkan ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh


- 4 Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu sistem ekonomi.

	Negara A	Negara B
Apa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui badan perancangan pusat	Diselesaikan melalui kuasa pasaran dan kuasa kerajaan

Maklumat manakah yang betul tentang Negara A dan Negara B?

- A Negara A mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas
- B Negara B mengeluarkan barang awam sahaja untuk kegunaan masyarakat
- C Negara A memilih teknik pengeluaran yang memaksimumkan kebijakan masyarakat.
- D Negara B memilih teknik pengeluaran yang memaksimumkan kos dan keuntungan.

- 5 Rajah 1 menunjukkan perubahan kuantiti permintaan suatu barang.



Rajah 1

Antara yang berikut, maklumat manakah yang betul menerangkan Rajah 1?


- A Pergerakan dari titik A ke titik B disebabkan oleh kerajaan menurunkan kadar pelepasan cukai pendapatan
- B Pergerakan dari titik D ke titik C disebabkan oleh citarasa pengguna meningkat terhadap barang itu
- C Pergerakan dari titik A ke titik C disebabkan oleh perubahan harga barang itu sendiri.
- D Pergerakan dari titik D ke titik B disebabkan pendapatan boleh guna meningkat

6 Pilih pasangan yang betul tentang perubahan permintaan terhadap suatu barang.

	Penentu Permintaan	Keluk Permintaan
A	Harga barang pengganti meningkat	
B	Kerajaan memberi bantuan E-kasih kepada golongan yang berkelayakan	
C	Pendapatan boleh meningkat	
D	Harga barang dijangka meningkat pada masa depan	

7. Rajah 2 dan Rajah 3 di bawah menunjukkan harga dan kuantiti bagi sesuatu barang.


Harga Barang A (RM)



0

Rajah 2

Harga Barang C (RM)



Rajah 3

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah 2 dan rajah 3 di atas?

- A Contoh barang A dan barang B ialah komputer riba jenama DELL dan komputer riba jenama ACER
- B Contoh barang C dan barang D ialah Kereta dan Petrol
- C Barang A dan barang B adalah barang penggenap
- D Hubungan antara Harga barang C dan Kuantiti barang D adalah songsang.

- 8 Jadual di bawah berkaitan perubahan dalam penawaran.

Pasangan yang manakah betul ?

	Perubahan Penawaran	Perubahan dalam kuantiti yang ditawar
A	Memberi kesan terhadap pertambahan penawaran	Memberi kesan terhadap pengembangan penawaran
B	Penentu ialah perubahan harga barang itu sendiri	Penentu ialah perubahan harga barang lain
C	Merupakan perubahan dalam kuantiti ditawar	Merupakan perubahan kuantiti penawaran
D	Berlaku peralihan keluk SS ke kiri atau ke kanan	Berlaku pergerakan titik di sepanjang keluk yang sama

- 9 Jadual 1 di bawah menunjukkan harga dan kuantiti penawaran bagi suatu barang.


Harga(RM)	15	20
Kuantiti Penawaran(unit)	300	450

Jadual 1

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut apabila berlaku penurunan harga?

- A 1.0
- B 1.3
- C 1.6
- D 2.0

10 Rajah 6 menunjukkan keseimbangan pasaran



Rajah 6

Pernyataan manakah yang betul tentang rajah 6 di atas?


- A Pada harga RM3 berlaku lebihan penawaran sebanyak 18 unit
- B Pada harga RM2 berlaku ketidakseimbangan pasaran
- C Harga yang lebih rendah daripada harga keseimbangan wujud lebihan permintaan sebanyak 18 unit
- D Lebihan penawaran semakin kecil apabila harga RM3 menuju keseimbangan pasaran

11 Nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi barang N ialah 1.3.

Pernyataan yang manakah betul tentang pekali keanjalan harga barang tersebut?

- A Beras cap Rambutan adalah contoh bagi barang N
- B Peniaga perlu menurunkan harga untuk meningkatkan hasil jualan
- C Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti
- D Peningkatan harga sebanyak 2% akan menyebabkan peningkatan kuantiti sebanyak 1%.

12 Rajah 7 menunjukkan subsidi yang dinikmati oleh pengeluar dan pengguna



Rajah 7

Kawasan yang manakah merupakan subsidi yang dinikmati oleh pengeluar?

- A AP_1CB
- B $P_1P_0E_0C$
- C ABE_0P_0
- D PE_1Q_10

- 13 Pernyataan manakah yang betul tentang fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank kerajaan

- I Memberi nasihat pelaburan
 - II Memberi pendahuluan sementara
 - III Menjaga rizab berkanun dan rizab tunai
 - IV Menyediakan akaun penjelasan antara bank
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 14 Gambar 2 di bawah menunjukkan sebuah bank yang beroperasi di Malaysia



Gambar 2

Pernyataan manakah yang betul berkaitan bank tersebut

- I Pendeposit menerima ganjaran faedah
 - II Mengamalkan prinsip perkongsian untung antara pelanggan
 - III Menyediakan kemudahan overdraf kepada pemegang akaun simpanan tetap
 - IV Tertakluk kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989
-
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu kemahiran yang dapat mempengaruhi jumlah pendapatan individu

N	❖ Komunikasi ❖ Membimbing
---	------------------------------

N ialah kemahiran

- A Sumber
- B Interpersonal
- C Informasional
- D Sistem dan teknologi

- 16 Jadual 2 menunjukkan belanjawan peribadi Puan Zahirah bagi tempoh sebulan.

Butiran	RM
Untung	5000
Cukai Pendapatan	300
Sewa rumah diterima	800
KWSP	430
zakat	150
simpanan	300

Jadual 2

Berapakah jumlah perbelanjaan Puan Zahirah pada bulan tersebut?

- A RM 4620
- B RM 4120
- C RM 4700
- D RM 6980

17 Maklumat yang manakah betul berkaitan dengan pelaburan peribadi?

	Jenis pelaburan peribadi	Tahap risiko	Tahap pulangan
A	Simpanan tetap	Rendah	Tinggi
B	Saham syarikat	Tinggi	Tinggi
C	Sekuriti kerajaan	Sederhana	Rendah
D	Simpanan emas	Sederhana	Tinggi

18

Gambar 3 di bawah menunjukkan Syarikat Jeruk Madu Pak Ali yang beroperasi di Pulau Pinang



Gambar 3

Pernyataan manakah yang betul berkaitan gambar 3 di atas?

- A Memaksimumkan keuntungan dan kos pengeluaran
- B Memaksimumkan kebaikan masyarakat setempat
- C Pengguna faktor pengeluaran
- D Mendapat ganjaran faedah hasil daripada perniagaan

19 Fungsi pengeluaran jangka pendek ialah

- A Belanja yang ditanggung oleh firma dalam proses pengeluaran output
- B Perubahan jumlah keluaran akibat perubahan dalam satu unit input berubah
- C Jumlah output yang dihasilkan oleh firma apabila digabungkan semua input pengeluaran
- D Menunjukkan hubungan antara input berubah dengan output pada suatu tingkat input tetap.

20 Jadual 3 menunjukkan jumlah keluaran dan kos pengeluaran bagi Syarikat S.Hakimi Berhad.

Jumlah keluaran (unit)	Jumlah Kos(RM)
40	100
43	150

Jadual 3

Berapakah kos marginal pada output ke 43 unit?

- A RM 3.50
- B RM 3.01
- C RM 5.80

- 21 Apakah ciri-ciri pasaran monopoli semula jadi?
- I Satu firma sahaja
 - II Penentu harga pasaran
 - III Keluaran ada pengganti
 - IV Ada kebebasan keluar masuk industri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 22 Maklumat di bawah merupakan penunjuk ekonomi bagi negara Malaysia
- Indeks Harga Pengguna naik 4.4 %**

Kuala Lumpur: Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 4.4 peratus tahun ke tahun kepada 123.1 pada Mei 2021 daripada 117.9 pada Mei 2020, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumber: Ubahsuai My Metro Online 25 Jun 2021
- Tindakan manakah yang sesuai dilaksanakan untuk mengawal situasi di atas?
- | | Dasar Fiskal | Kadar Cukai | Perbelanjaan Kerajaan |
|---|---------------------|--------------------|------------------------------|
| A | Mengembang | Turun | Naik |
| B | Menguncup | Naik | Turun |
| C | Mengembang | Naik | Turun |
| D | Menguncup | Turun | Naik |
- 23 Jadual 4 menunjukkan sebahagian daripada hasil kerajaan bagi tahun 2020.
- | Butiran | RM Juta |
|----------------------------|----------------|
| Cukai Pendapatan Syarikat | 59 385 |
| Cukai Pendapatan Individu | 35 906 |
| Cukai Pendapatan Petroleum | 8 551 |
| Cukai SST | 24 533 |
| Duti Eksais | 8 507 |
| Duti Import | 2 035 |
| Lesen dan permit | 13 237 |
| Pendapatan pelaburan | 48 666 |
- Sumber: www.treasury.gov.my
- Jadual 4**
- Berdasarkan jadual 4 berikut berapakah cukai langsung pada tahun tersebut?
- A RM 200 820 juta
 - B RM 138, 917 juta
 - C RM 128 375 juta
 - D RM 103 842 juta
- 24 Manakah yang betul tentang kesan perlaksanaan cukai oleh kerajaan dalam mengawal eksloitasi pengguna?
- A Menempatkan secara khusus kawasan perindustrian di kawasan tertentu
 - B Mengurangkan pengeluaran barang yang membahayakan kesihatan
 - C Mengisyiharkan barang penggunaan sebagai barang kawalan
 - D Mengawal harga barang tertentu

25 Pasangan manakah yang betul?

Perbelanjaan Mengurus		Perbelanjaan Pembangunan
A	Pembelian peralatan pertahanan	Pembelian bekalan pejabat sekolah
B	Pentadbiran am	Bekalan dan perkhidmatan
C	Bayaran bantuan prihatin rakyat	Menaik taraf makmal sains sekolah
D	Bayaran pembinaan balai polis	Bayaran subsidi upah kepada majikan

26 Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan Pelaburan Langsung Asing?

- I Pelaburan Langsung Asing boleh dilakukan dengan cara membuka subsidiari
- II Pelaburan Langsung Asing bermaksud pelaburan yang dibuat oleh firma tempatan
- III Pelaburan Langsung Asing mempunyai persamaan dengan pelaburan portfolio
- IV Pengecualian cukai, kredit pelaburan dan pelepasan cukai berjaya menarik Pelaburan Langsung Asing

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

27 Pasangan manakah yang betul tentang kesan pelaburan asing kepada negara?

Kesan	Keterangan
A Negatif	Daya saing firma asing meningkat
B Positif	Aliran untung ke luar negara bertambah
C Negatif	Jumlah kemasukan modal asing dalam negara tinggi
D Positif	Meningkatkan kemahiran modal insan

28 Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan sekatan perdagangan antarabangsa.

Bentuk Sekatan		Maksud
A	Tarif	Sekatan perdagangan terhadap jumlah barang yang boleh diimport
B	Embargo	Perintah larangan atau pemulauan perdagangan terhadap negara tertentu
C	Kuota	Bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada pengeluar tempatan
D	Subsidi	Cukai yang dikenakan atas barang yang diimport dari luar negara

29 Pasangan manakah yang betul tentang komposisi eksport dan import negara?

	Keterangan	Jenis komposisi
A	Kerajaan Malaysia membeli vaksin Covid-19 CanSino dari China	Import Nampak
B	Syarikat pengeluar tempatan Top Glove Corporation Bhd merupakan pengeluar sarung tangan getah terbesar dunia	Eksport Tak Nampak
C	Penerangan khas MAS digunakan untuk membawa balik pelajar-pelajar Malaysia dari luar negara semasa Covid-19	Eksport Nampak
D	Petronas Carigali meningkatkan pelaburan hiliran dalam sektor petroleum dan gas di Vietnam	Import Tak Nampak

- 30 Jadual 5 menunjukkan sebahagian imbalan pembayaran Malaysia pada tahun 2020.

Butiran	RM Juta
Barangan	138 709
Perkhidmatan	- 47 448
Pendapatan Primer	- 28 584
Pendapatan sekunder	- 2670
Akaun Modal	- 428

Sumber: www.epu.gov.my

Jadual 5

Berapakah imbalan akaun semasa Malaysia pada tahun tersebut?

- A RM 59 579 juta
- B RM 60 007 juta
- C RM 217 839 juta
- D RM 217 411 juta

- 31 Maklumat di bawah berkaitan dengan akaun semasa

Malaysia catat lebihan akaun semasa tertinggi RM 62.1 billion

Kuala Lumpur: Malaysia mencatatkan lebihan akaun semasa sebanyak RM 62.1 billion pada 2020, yang tertinggi dalam tempoh sembilan tahun.

Sumber: Ubahsuai daripada Sinar Harian online 11 Februari 2021

Apakah faktor yang menyebabkan keadaan berikut?

- A Peningkatan penerimaan pendapatan primer dan sekunder
- B Permintaan yang rendah untuk eksport
- C Permintaan yang tinggi untuk import
- D Produktiviti menurun


- 32 Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika Syarikat (USD)

Unit	Matawang	Harga belian (RM)	Harga jualan (RM)
1	Dolar Amerika (USD)	3.9690	4.2860

Berapakah yang perlu dibayar oleh Encik Nasir jika beliau ingin membeli telefon pintar Iphone 12 Pro yang berharga USD 999 melalui sebuah portal atas talian?

- A RM 251.70
- B Rm 233.08
- C RM 4281.71
- D RM3965.03

- 33 Rajah 8 di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika.



Rajah 8

Antara berikut kenyataan manakah benar tentang rajah di atas?

- I Kadar pertukaran asing ialah USD1.00 = RM 2.50
 - II PQ menunjukkan lebihan permintaan Dolar Amerika (USD) sebanyak $Q_1 Q_2$
 - III RS menunjukkan lebihan penawaran Dolar Amerika (USD) sebanyak $Q_1 Q_2$
 - IV Pada PQ Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan nilai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 34 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Keluk penawaran pasaran lebih landai daripada keluk penawaran firma
II Penawaran pasaran merujuk kepada hasil tambah secara mendatar kuantiti penawaran firma di pasaran pada pelbagai tingkat harga
- 35 I Caj kewangan ialah caj yang dikenakan kepada pemegang kad kredit
36 I Kos tetap terpaksa ditanggung oleh firma dalam jangka masa panjang
II Kos berubah wujud dalam jangka masa pendek sahaja
II Caj kewangan dikira berdasarkan baki bulanan
- 37 I Produktiviti ialah keupayaan untuk meningkatkan penghasilan input daripada sejumlah output yang diberikan
II Rumus untuk mengira produktiviti ialah Output dibahagikan dengan Input
- 38 I Faedah yang tinggi merupakan pulangan tabungan yang dinikmati oleh pemegang akaun simpanan semasa
II Lembaga Tabung Haji akan memberi ganjaran faedah kepada pendeposit

- 39 I Alat dasar kewangan dilaksanakan melalui perubahan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan
II Alat dasar kewangan mengembang dilaksanakan bertujuan untuk mengawal inflasi dalam negara
- 40 I Belanjawan defisit berlaku apabila jumlah perbelanjaan melebihi jumlah hasil kerajaan
II Belanjawan defisit digunakan bagi mengawal inflasi

~~~~~ SOALAN TAMAT. SELAMAT MENCUBA~~~~~

**Disediakan oleh : Pn Tan Swee Chin**

**Disemak oleh : Pn Ewe Shu Ni**

**Disahkan oleh : Pn. Yeoh Saw Seoh**